

Sistem pelayan BUDI95 mampu proses 30,000 transaksi seminit

Kemampuan laksana program adalah hasil tatakelola baik

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan kelancaran pelaksanaan program subsidi bersasar BUDI MADANI RON95 (BUDI95) dengan keupayaan sistem baharu yang mampu memproses sehingga 30,000 transaksi seminit.

Perdana Menteri berkata, peningkatan kapasiti itu dibuat selepas kerajaan mengambil iktibar daripada masalah teknikal yang berlaku ketika pelaksanaan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) sebelum ini.

"Ketika SARA dilaksanakan, kapasiti sistem hanya mampu proses 3,000 transaksi seminit kerana ia dirancang untuk kumpulan lebih kecil.

"Tetapi untuk BUDI95, server (pelayan) ditingkatkan sehingga 10 kali ganda, iaitu 30,000 transaksi seminit. Ini membolehkan permohonan dan rayuan orang

ramai diproses dengan lebih cepat dan lancar," katanya ketika menyampaikan amanat pada Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Johan Mahmood Merican.

Isnin lalu, Perdana Menteri mengumumkan harga petrol RON95 diturunkan kepada RM1.99 seliter berbanding RM2.05 seliter hanya untuk warganegara, berkuat kuasa 30 September ini melalui penyasaran subsidi di bawah BUDI95.

Semua warganegara yang memiliki lesen memandu sah layak untuk subsidi RON95 dan berdasarkan data Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) serta Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), dianggarkan lebih 16 juta orang layak menerima subsidi itu.

Dalam pada itu, Anwar berkata, penyasaran subsidi petrol RON95 melalui BUDI95 dilaksanakan bagi memastikan hanya rakyat tempatan menerima manfaat, sekali gus mengelak ketirisan kepada warga asing yang turut menikmati harga subsidi sebelum ini.

"Bila kita turunkan harga untuk warganegara, kita perlu ten-



tukan siapa warganegara. Kalau tidak, orang lain dapat. Warga asing bukan rakyat kita, tidak bayar cukai seperti kita. Jadi mereka tidak layak harga subsidi.

"Warga asing di Malaysia maksudnya orang luar tinggal di sini dan daftar kenderaan Malaysia. Mereka masih dapat harga relatif murah (RM2.60) tapi bukan harga subsidi penuh. Kalau kenderaan (nombor plat) luar, mereka bayar harga RON97," katanya.

Selain itu, Perdana Menteri meminta rakyat supaya tidak tergesa-gesa membuat pembelian RON95 pada harga subsidi mulai Selasa ini kerana harga terbabat adalah kekal.

Tutup ruang ketirisan

Anwar menegaskan kemampuan kerajaan melaksanakan program subsidi bersasar BUDI95 adalah hasil daripada tatakelola baik serta langkah pembaharuan dasar yang berjaya menutup ruang ketirisan dan rasuah.

Katanya, tidak semua negara mampu meneruskan program

subsidi bersasar kerana memerlukan disiplin kewangan, ketelusan serta kawalan perbelanjaan yang ketat.

"Kalau kita lihat negara pengeluaran minyak seperti Arab Saudi, harga minyak di sana pun kini jauh lebih tinggi berbanding Malaysia.

"Kenapa kita masih mampu beri subsidi? Jawapannya kerana kita mulakan dengan tatakelola yang baik," katanya.

Anwar berkata, penurunan harga petrol RON95 dapat dilaksanakan selepas kerajaan membuat perubahan dasar penting termasuk tender lebih telus, mengelakkan ketirisan, membanteras rasuah dan memperkalkan dasar ekonomi baharu.

"Cadangan awal ada yang menyebut kita boleh dapat (penjimat) sehingga RM8 bilion atau RM10 bilion tapi kita tidak boleh mulakan ikhtiar menyebabkan pertelingkahan kelompok ataupun yang tidak memberi kesan dari sudut harga minyak dan harga baran," katanya.

Beliau berkata, walaupun Arab Saudi sebagai pengeluar minyak utama pernah menawarkan harga serendah 50 sen seliter pada 2013, harga minyak di negara itu kini melonjak antara RM2.60 hingga RM2.90 seliter, manakala Qatar sebagai pengeluar minyak

dan gas turut tetapkan harga lebih tinggi berbanding Malaysia.

Mengenai isu kuota subsidi, Anwar menjelaskan keputusan menetapkan had 300 liter dibuat selepas penelitian mendalam berdasar data penggunaan rakyat.

"Cadangan asal ialah 250 liter kerana 98 peratus rakyat menggunakan sekitar 200 hingga 220 liter sebulan. Namun, selepas perbincangan di Kementerian Kewangan dan Jemaah Menteri, kita naikkan lagi ke 300 liter supaya jangan jadi isu," katanya.

Beliau menegaskan, sebarang hasil penjimatan tidak digunakan untuk bermewah, sebaliknya dikembalikan kepada rakyat melalui kebajikan, latihan dan peningkatan mutu perkhidmatan awam.

Anwar seterusnya memberi jaminan akan meneliti dan mempertimbangkan rayuan golongan nelayan, pekebun, pemilik perahu serta bot yang menggunakan petrol RON95 bagi memastikan mereka turut mendapat manfaat daripada program BUDI95.

Perdana Menteri berkata, kerajaan menyedari wujud kes tertentu seperti di Sabah, Sarawak dan Kelantan, yang mana nelayan kecil atau pemilik perahu menggunakan petrol RON95 walaupun tiada lesen memandu di bawah nama mereka.